



## SIARAN AKHBAR

---

### **PENYAMPAIAN TAKLIMAT BERKENAAN DENGAN PENGURUSAN TANAH PERTANIAN DAN SISTEM PENGAIRAN DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA DR. WIWAT SALYAKAMTHORN, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KOPERASI, THAILAND**

*Hari Selasa, 10 Rabiulakhir 1440H Bersamaan 18 Disember 2018  
Daerah Brunei-Muara*

Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn, Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Thailand telah menyampaikan taklimat di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi, Wasan berkenaan dengan pengurusan tanah bagi kawasan pertanian, pengurusan dan pemuliharaan tanah asid sulfat dan sistem pengairan konvensional yang digunakan di Thailand.

Turut hadir dalam sesi taklimat tersebut adalah Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, tenaga pengajar dan penuntut IBTE Kampus Agroteknologi, serta peladang-peladang tempatan.

Sebelum sesi taklimat, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan ucapan alu-aluan, diikuti dengan taklimat mengenai dengan peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian dan agrimakanan di Negara Brunei Darussalam oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.



Sesi taklimat daripada Tuan Yang Terutama berserta dengan beberapa pakar dari rombongan negara Thailand berkisar kepada Pengurusan Tanah, Pengurusan dan Pembaikan Terhadap Tanah Asid Sulfat, dan Penggunaan Sistem Pengairan Sungai Konvensional di negara Thailand.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam**

*Tarikh: 18 Disember 2018*